

IMPLIKASI DAN PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM SEKTOR PELANCONGAN DI PULAU

IMPLICATIONS AND COMMUNITY INVOLVEMENT IN THE TOURISM SECTOR IN THE ISLANDS

Mohd Jirey Kumalah¹, Syafiqah Syuhada Samsul², Rahmah Rashid³ & Mastura Junairin⁴

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah
mohdjirey@gmail.com

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah
syafiqahsyuhada.shamsul@hotmail.com

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah
rahmah@ums.edu.my

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah
masturajunairin@yahoo.com

Tarikh Diserah: 29 September 2023

Tarikh Diterima: 30 Oktober 2023

ABSTRACT

This paper aims to investigate the implications and community involvement in the tourism sector on islands. Through a literature review, this study analyzes the relationship between community involvement and tourism development on islands. Positive implications include economic growth, social development, and preservation of local culture. Community involvement in tourism planning and management can also enhance environmental awareness and natural resource conservation. However, there are challenges such as conflicting interests, skill shortages, and management capabilities that need to be addressed. This study provides a holistic perspective on the implications and community involvement in the tourism sector on islands, raising awareness about the importance of involving communities in sustainable tourism development.

Keywords: *community involvement, tourism, island tourism*

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk menyelidik implikasi dan penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan di pulau. Melalui tinjauan literatur, kajian ini menganalisis kaitan antara penglibatan komuniti dan pembangunan pelancongan di pulau. Implikasi positif termasuk peningkatan ekonomi, pembangunan sosial, dan pemeliharaan budaya tempatan. Penglibatan komuniti dalam perancangan dan pengurusan pelancongan juga dapat meningkatkan kesedaran alam sekitar dan pemeliharaan sumber semula jadi. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran seperti konflik kepentingan, kekurangan kemahiran, dan keupayaan pengurusan yang perlu diatasi. Kajian ini memberikan pandangan holistik tentang implikasi dan penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan di pulau, memberi kesedaran tentang kepentingan melibatkan komuniti dalam pembangunan pelancongan yang mampan.

Kata kunci : penglibatan komuniti, pelancongan, pelancongan pulau

Pengenalan

Peningkatan ketibaan pelancong dianggarkan meningkat setiap tahun. Kadar permintaan yang tinggi dalam sektor pelancongan telah menggalakkan pelbagai jenis aktiviti pelancongan seperti pelancongan sukan dan rekreasi, pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, pelancongan kebudayaan, dan lain-lain. Industri pelancongan menjadi penyumbang utama dalam peningkatan ekonomi negara, dengan pertumbuhan yang sedang membangun dan menjadi penggerak utama dalam persaingan dengan ekonomi negara luar. Menurut Minnaert (2012), sektor pelancongan digelar sebagai 'enjin pertumbuhan ekonomi negara' atau 'nadi ekonomi negara'. Kekayaan sumber alam semula jadi menjadi aset utama untuk menarik pelancong dari luar negara memilih Malaysia sebagai destinasi utama, yang secara tidak langsung menggalakkan pertumbuhan positif ekonomi negara. Aktiviti pelancongan menunjukkan dapat membawa pembangunan dan perubahan kepada komuniti tempatan, terutama di negara Dunia Ketiga (Mathieson & Wall 1982).

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) telah memulakan kempen Nasional bertujuan sebagai langkah promosi pelaksanaan *Malaysian Year of Festival* (MyFEST). Tujuan kempen ini adalah untuk menarik lebih banyak pelancong asing mengunjungi Malaysia bagi mengelakkan pengaliran wang keluar apabila rakyat Malaysia kurang keluar negeri sekaligus mempromosikan destinasi pelancongan yang hebat di negara sendiri. Industri pelancongan terus menjadi sumber utama tukaran wang asing yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, pelaburan, guna tenaga, dan mengukuhkan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran. Oleh itu, penglibatan aktif dari sektor awam dan swasta, industri pelancongan dapat ditingkatkan melalui pemasaran, promosi, mempelbagaikan pasaran, dan meningkatkan daya saing produk untuk menarik pelancong melawat Malaysia.

Sejajar dengan perkembangan sektor pelancongan di Malaysia, Sabah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai tarikan pelancongan sama ada semula jadi, budaya, atau warisan. Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak. Sabah juga dikenali dengan gelaran "Negeri Di Bawah Bayu". Negeri ini meliputi kawasan seluas

72,500 kilometer persegi di bahagian utara Borneo, dikelilingi oleh lautan China Selatan di bahagian barat, Laut Sulu di bahagian timur dan Laut Celebes di bahagian timur. Iklim di seluruh Sabah adalah iklim khatulistiwa/tropika dengan suhu anggaran 32°C (90°F) di kawasan rendah dan purata suhu 21°C (70°F) bagi kawasan tanah tinggi. Penduduk Sabah terdiri daripada 32 kumpulan etnik yang berkomunikasi dalam 50 bahasa dan 80 dialek etnik.

Sabah bukan sahaja kaya dengan keindahan alam semula jadi, tetapi juga kaya dengan warisan budaya penduduknya. Manakala, aktiviti ekopelancongan merupakan tarikan utama pelancong seperti Kolam Air Panas Poring, Tanjung Simpang Mengayau, Taman Pertanian Sabah, Taman Hutan Hujan Sandakan, Gunung Kinabalu, Lembah Danum, Sungai Padas, Pulau Sipadan, Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok, Long Pasia dan Taman Pulau Penyau yang menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri Sabah.

Definisi Pelancongan Daripada Pelbagai Perspektif Penyelidikan

Pelancongan mempunyai pelbagai maksud mengikut perspektif dan pandangan daripada bidang dan disiplin tertentu. Menurut Mathieson dan Wall (1982), pelancongan melibatkan pergerakan sementara manusia pada destinasi di luar tempat kerja biasa dan tempat tinggal. Pelancongan juga melibatkan tindakan untuk melakukan aktiviti di kawasan yang dituju dan juga kemudahan yang disediakan untuk menampung dan memenuhi keperluan pengunjung di sesebuah kawasan pelancongan. Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO) (2016) pula mendefinisikan pelancongan sebagai aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat luar daripada persekitaran asalnya dan menetap di situ tidak lebih daripada setahun bagi tujuan rehat, perniagaan, dan sebagainya. UNWTO turut mengklasifikasikan pelancongan kepada pelancong antarabangsa, pelancongan dalaman, pelancongan domestik, dan pelancongan kebangsaan.

Konsep pelancongan ini juga turut diperjelaskan oleh Netto (2009) sebagai satu sistem terbuka yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas serta hubungan dengan elemen-elemen lain seperti elemen manusia, pelancong, elemen pelancongan, elemen ekonomi seperti industri pelancongan, dan elemen dinamik iaitu individu mengembara bagi tujuan untuk berehat di luar tempat tinggal mereka. Walton (2023) mendefinisikan pelancongan sebagai suatu kajian manusia yang bertentangan dengan habitat semula jadi mereka serta penglibatan industri yang bertindak balas pada keperluan mereka dan juga kesan ke atas diri mereka melalui industri itu daripada sudut sosiobudaya, ekonomi, dan persekitarannya.

Goeldner dan Ritchie (2006) mentakrifkan pelancongan sebagai satu proses atau aktiviti hasil daripada hubungan dan interaksi antara pelancong, pembekal pelancongan, tuan rumah, masyarakat, dan persekitaran yang terlibat dalam proses menarik kedatangan pelancongan ke sesebuah tempat. Dalam kata lain, pelancongan adalah gabungan aktiviti, perkhidmatan, dan industri yang memberikan pengalaman perjalanan kepada individu dengan menawarkan perkhidmatan seperti pengangkutan, penginapan, makanan, dan hiburan. Individu juga boleh menghabiskan masa lapang mereka dengan pelbagai aktiviti seperti bersukan, berjemur, menyanyi, dan menikmati keindahan alam sekitar.

Pelancongan merujuk kepada aktiviti perjalanan dan lawatan yang melibatkan orang-orang untuk tujuan hiburan atau perniagaan (Ritchie & Geoffrey, 2003). Ia meliputi beberapa subsektor seperti penginapan, membeli-belah, produk pelancongan (seperti ekopelancongan,

pelancongan kapal persiaran, spa, dan kesejahteraan), makanan dan minuman, serta pengangkutan dalam negeri (inbound) dan pengangkutan domestik. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), strategi akan diberi tumpuan untuk menggali potensi pelancongan sebagai sumber pertumbuhan penting dalam hal pendapatan tukaran wang asing, pembangunan keusahawanan, dan penciptaan pekerjaan. Pelancongan juga sesuai sebagai aktiviti yang dapat meningkatkan daya keusahawanan dalam kalangan komuniti tempatan (Long & Allen, 1990).

Kategori Tipologi Pelancongan

Menurut, Żegleń dan Grzywacz (2016) mengemukakan dua kaedah asas untuk mengkategorikan tipologi pelancongan. Pertama, klasifikasi interaktif berdasarkan jenis-jenis pelancongan dan sifat-sifatnya di destinasi pelancongan. Kedua, klasifikasi kognitif normal yang berdasarkan hasrat sebenar pelancong. Menurut Cohen (1979), pelancong boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama.

Jadual 1 : Jenis Pelancong Cohen 1979

Jenis Pelancong	Ciri-Ciri
Pelancongan Biasa	Kategori ini tidak terhad kepada kumpulan tertentu, tetapi bergantung pada perancangan perjalanan yang dilakukan oleh pelancong.
Pencarian	Pelancong dalam kategori ini menetapkan perjalanan sendiri dan cuba mendekati diri dengan budaya tuan rumah. Mereka berminat untuk memahami dan mengalami budaya tempatan secara mendalam.
Bersemenda	Pelancong dalam kategori ini cuba menjauhkan diri daripada institusi pelancongan dan cuba menenggelamkan diri dalam budaya tuan rumah. Mereka berusaha untuk mengalami kehidupan tempatan dengan lebih mendalam.

Sumber: Cohen (1979)

Smith (1994) pula mengkategorikan pelancongan berdasarkan tahap penglibatan di destinasi pelancongan. Beliau mengenal pasti tujuh kategori.

Jadual 2 : Kategori Pelancongan Berdasarkan Tahap Penglibatan di Destinasi Pelancongan

Kategori	Ciri-Ciri
Berjelajah	Yang melibatkan diri dengan penduduk tempatan
Elit	Perjalanan khusus individu ke tempat-tempat istimewa
Bersendirian	Pelancongan yang sentiasa menjauhkan diri daripada orang ramai
Berkelainan	Mempunyai objektif khusus dan di luar kebiasaan
Berkumpulan	Kumpulan kecil yang di atur dan mendapat khidmat tempatan
Berkhususan	Pakej perjalanan yang terhad
Berombongan	Pakej perjalanan yang menyediakan pelbagai kemudahan ala barat.

Sumber: Smith (1994)

Selain itu smith (1989) telah mengkategorikan pelancongan dengan merujuk khusus kepada pelancongan di Malaysia. Pelancongan budaya telah dimasukkan sebagai satu lagi kategori yang merupakan daya tarikan utama pelancong ke negara ini dan yang berunsurkan sumber sejarah dan sumber alam sekitar juga turut di cadangkan dalam kategori ini.

Definisi Komuniti Pulau

Komuniti pulau merupakan komuniti tradisional yang masih lagi mengamalkan cara tradisi, cara hidup dan sosiobudaya tersendiri, lazimnya komuniti pulau merupakan kelompok yang tertutup dan ketinggalan dalam proses pambangunan dan dibelenggu dengan kemiskinan (Yahaya Ibrahim, 2007). Dalam konteks komuniti pulau, Jabil (2014) menyatakan bahawa kebanyakan pulau di dunia ini mempunyai beberapa persamaan. Antaranya termasuk saiz yang kecil, bilangan penduduk yang sedikit, struktur sosioekonomi yang tradisional, dan kurang membangun. Secara umumnya, terdapat dua ciri asas yang dikenal pasti dalam sesebuah pulau iaitu 'keterpencilan' dan 'kekecilan' (Jabil, 2014).

Komuniti pulau mempunyai corak kehidupan yang amat berbeza berbanding dengan masyarakat yang mendiami kawasan tanah besar. Menurut Roshanim Koris (2004) kehidupan sosio-ekonomi mereka juga sering dikaitkan dengan sumber alam semula jadi dan sering dikaitkan dengan kemiskinan dan terpinggir daripada arus pembangunan serta lambat menerima pemodenan berbanding komuniti di tanah besar. Menurut Clay dan Olson (2008) komuniti nelayan dianggap sebagai satu kumpulan yang mengamalkan budaya dan ekonomi tertutup. Manakala Andi Cahaya (2015) menyatakan bahawa komuniti nelayan ini memperkenalkan diri mereka sebagai 'orang ke laut' iaitu orang yang menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan laut. Justeru, aspek yang dapat dikenal pasti berkaitan komuniti pulau adalah daripada faktor pemisahan geografi iaitu lokasi yang jauh dan terpencil dari tanah besar dan ini menyebabkan wujud masalah perhubungan. Selain itu, komuniti pulau ini juga tertumpu pada pekerjaan tradisi sejak turun menurun iaitu bekerja sebagai nelayan sepenuh masa ini kerana tiada prospek pekerjaan yang lain dan menyebabkan mereka kekal sebagai nelayan (Yahaya Ibrahim, 2006).

Penglibatan Komuniti Dalam Konteks Pembangunan Pelancongan

Dalam konteks pembangunan pelancongan, penglibatan komuniti tempatan memainkan peranan penting dan menjadi tulang belakang dalam meningkatkan dan memajukan sektor pelancongan melalui penglibatan mereka dalam sektor pelancongan. Penglibatan komuniti tempatan bukan sahaja menyumbang sebagai tenaga kerja tetapi berperanan penting dalam menarik kunjungan pelancong melalui sikap dan budaya mereka terhadap pelancong (Yahaya Ibrahim, 2008).

Tosun mendefinisikan penglibatan komuniti sebagai "satu bentuk tindakan sukarela yang melaluinya individu mengambil peluang dan memikul tanggungjawab kemasyarakatan" (Tosun, 2000). Penglibatan komuniti juga adalah satu proses di mana masyarakat bekerjasama dengan penggerak pembangunan dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang akhirnya memberi kesan terhadap keadaan dan taraf hidup mereka sendiri. Penglibatan komuniti memastikan bahawa keperluan dan aspirasi komuniti tersebut tidak diabaikan dan hasilnya ialah ahli komuniti itu akan mendapat didikan dan seterusnya (Tosun, 2000).

Penglibatan komuniti tempatan dalam industri pelancongan merupakan suatu pelengkap ke arah ketulenan yang dicari oleh para pelancong. Menurut Hamid dan Hossein (2023) kebanyakan pelancong lebih suka mencari realiti dan keaslian sesebuah destinasi pelancongan yang dilawati. Mereka juga suka mencari pengalaman melancong yang sebenar dengan mendapat keseronokan, menikmati keindahan, suka mengembara dan belajar (Hamid

& Hossein, 2023). Menurut Weber (2001) melalui penglibatan komuniti tempatan juga dapat memberikan pengalaman yang asli melalui pelancongan yang aktif, lebih serius, baru dan berkualiti mengikut permintaan pelancong. Seterusnya pelancong juga berhasrat untuk memperolehi integrasi yang baik dengan tempat yang dilawati serta penglibatan dalam kehidupan sosial dan budaya di sesebuah kawasan destinasi pelancongan (Weber, 2001). Menurut Yahaya Ibrahim (2008) Kebanyakan pelancong juga mahu mencari budaya pelancongan yang semula jadi. Justeru, pelancong perlu menghormati penduduk tempatan, sedar dan rasa hormat terhadap budaya tempatan, nilai-nilai sosial dan persekitaran semula jadi. Justeru, penglibatan komuniti merupakan antara aspek terpenting dalam pembangunan pelancongan (Mohd Jirey et al.,2015). Menurut Mowforth dan Munt (1998) telah mengklasifikasikan enam jenis penglibatan komuniti dalam pembangunan dari aspek peranan dan kepentingan kepada komuniti tempatan (Jadual 3).

Jadual 3: Jenis Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan

Jenis Penglibatan	Ciri-Ciri
Penglibatan <i>Manipulative</i>	Penduduk dijadikan boneka, projek diatur oleh pihak luar, kawalan penduduk sedikit, faedah tidak menentu.
Penglibatan <i>Pasif</i>	Penduduk terlibat setelah keputusan dibuat oleh pihak penggerak, kurang kawalan penduduk.
Penglibatan Melalui Perundingan	Pendapat penduduk diminta, tetapi kawalan terhadap pelaksanaan masih kurang.
Penglibatan Bermotivasi Pulangan Material	Penduduk terlibat untuk mendapatkan pulangan material, bukan untuk pembelajaran.
Penglibatan Berperanan	Penduduk penting dalam mencapai objektif, tetapi penglibatan terjadi setelah keputusan dibuat.
Penglibatan Interaktif	Penduduk terlibat dalam analisis, pembentukan pelan tindakan, penglibatan sebagai hak.
Penglibatan Pergerakan Sendiri	Penduduk menggerakkan projek sendiri, menjalin hubungan dengan institusi luar, mengawal penggunaan sumber.

Sumber: Disesuaikan dari Kalsom Kayat dan Nor Ashikin (2006) dalam Mowforth dan Munt (1998).

Menurut Mowforth dan Munt (1998) membincangkan dua jenis penglibatan yang ekstrem dalam pembangunan pelancongan. Justeru, wujud dua aspek penting dalam penglibatan iaitu kesaksamaan dan kawalan dalam sesuatu projek bagi mencapai objektif pembangunan komuniti dan membenarkan penglibatan adil dalam proses membuat keputusan bagi membolehkan penduduk tempatan menggunakan kuasa mereka dalam mengawal sesuatu pembangunan serta kesannya (Kalsom Kayat & Nor Ashikin, 2006). Penglibatan komuniti setempat juga boleh terlibat sebagai pengusaha yang menyediakan tempat penginapan kepada pelancong dan dapat memberikan sumbangan yang penting terhadap pembangunan pelancongan di kawasan mereka (Rosazman & Velan, 2014). Penduduk tempatan juga perlu diberikan kebenaran dan peluang untuk mendapatkan manfaat daripada pelancongan secara adil (Kalsom Kayat & Nor Ahshikin, 2006; Kadir Din, 1997).

Implikasi Pelancongan Terhadap Komuniti Pulau

Isu kajian lepas mengenai penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan di pulau-pulau Malaysia adalah pelbagai seperti penglibatan komuniti pulau (Ali Maimon,1992; Salleh et al.,2012), pembangunan pelancongan pulau (Yahaya Ibrahim, 2008), kemiskinan pulau (Roshanim Koris, 2004), komuniti nelayan pulau (Jabil & Abdul Kadir, 2010), persepsi dan

kepuasan pelancongan pulau (Rosniza, 2011), impak pembangunan pelancongan pulau (Suhaya Samad et al.,2013) dan potensi pelancongan pulau melalui kearifan tempatan (Mohd Jirey et al.,2015). Selain itu, kajian lain juga banyak memberikan tumpuan kepada impak pelancongan terhadap ekonomi, sosial, dan persekitaran. Impak pembangunan pelancongan telah dikenal pasti berdasarkan ciri-ciri sosio-demografi dan kawasan tempat tinggal (Pizam, 1978; Francois & Hoy, 1980; Harrison, 2001; Oztosun, 2023) serta jarak antara kawasan pelancongan dengan penempatan komuniti (Francois & Hoy, 1980; Williams, 2001). Oleh itu, melalui kajian ini dapat memberikan pemahaman yang penting tentang kesan pembangunan pelancongan terhadap komuniti di pulau sekaligus mengambil langkah yang bijak dalam menguruskan pembangunan pelancongan untuk memastikan kelestarian ekonomi, sosial, dan persekitaran destinasi pelancongan.

Pertumbuhan pesat industri pelancongan telah menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kawasan luar bandar, sehingga di negara sedang membangun memberikan perhatian serius terhadap sektor pelancongan (Mohd Jirey, 2015). Justeru, pembangunan pelancongan di pulau-pulau telah mendorong perkembangan destinasi pelancongan tersebut. Pulau-pulau kini semakin mendapat perhatian sebagai destinasi pelancongan di seluruh dunia. Namun, setiap perkara yang diusahakan pasti mendatangkan kesan samada baik atau buruk. Justeru, tidak dinafikan bahawa pembangunan sektor pelancongan dapat meninggalkan kesan positif dan negatif samada kepada pengunjung mahupun tempat yang dikunjungi.

Berdasarkan tinjauan literatur tentang impak pelancongan dari segi ekonomi sering memberi tumpuan kepada keuntungan yang diperoleh melalui pembangunan destinasi pelancongan baru (Yahaya Ibrahim, 2008; Suhaya Samad et al.,2013). Teori yang diasaskan oleh Brynt dan Napier (1981) menunjukkan bahawa industri pelancongan dapat memberikan manfaat ekonomi kepada negara, tetapi hanya pihak yang terlibat secara langsung dalam industri tersebut yang lebih sedar akan keuntungan ini berbanding dengan pihak yang tidak terlibat. Perubahan taraf sosioekonomi adalah petanda penting dalam pembangunan pelancongan (Mohd Jirey, 2015). Oleh itu, perbandingan sebelum dan selepas pembangunan pelancongan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang perubahan ini.

Menurut Yahaya Ibrahim (2007), impak fizikal pelancongan melibatkan perubahan dalam landskap fizikal dan alam sekitar destinasi pelancongan. Pembangunan infrastruktur pelancongan seperti hotel, jalan raya, dan kemudahan rekreasi boleh memberikan kesan kepada alam sekitar dan kehidupan haiwan serta tumbuhan tempatan. Selain itu, pengurusan sumber alam yang tidak baik juga boleh menyebabkan pencemaran dan penurunan kualiti alam sekitar. Manakala, impak sosial pelancongan banyak melibatkan perubahan dalam budaya, gaya hidup dan struktur sosial komuniti tempatan. Pelancongan dapat membawa impak positif seperti peningkatan kesedaran budaya dan pemahaman antara pelancong dan penduduk tempatan. Namun, terdapat risiko seperti konflik budaya, peningkatan kos sara hidup, dan perubahan dalam nilai-nilai sosial komuniti tempatan (Millman & Pizam, 1988). Menurut Oztosun (2023) kajian lain juga menunjukkan bahawa impak pelancongan terhadap gejala sosial dan persekitaran tidak sebanyak keuntungan yang diperolehi oleh pihak berkepentingan. Hal ini juga seperti dijelaskan oleh (Millman dan Pizam, 1988; Murphy, 1983; Pizam, 1978) yang menyimpulkan bahawa impak sosial dan persekitaran pelancongan tidak seimbang dengan keuntungan ekonomi yang diperolehi.

Secara keseluruhan, pembangunan pelancongan memberikan impak yang kompleks dan perlu dikelola dengan bijak. Adalah penting untuk mempertimbangkan kesan positif dan negatif pelancongan serta melibatkan penduduk tempatan dalam proses pembangunan pelancongan untuk memastikan kelestarian ekonomi, sosial, dan persekitaran destinasi pelancongan. Ini menunjukkan bahawa walaupun pelancongan dapat memberikan manfaat ekonomi yang signifikan, namun perlu ada perhatian yang serius terhadap impak sosial dan persekitaran yang mungkin timbul.

Menurut Yahya Ibrahim (2008), perubahan taraf sosioekonomi dapat dilihat melalui perbandingan antara keadaan "dahulu dan sekarang". Sebelum pembangunan pelancongan, pulau mungkin menghadapi cabaran ekonomi dan sosial yang signifikan (Jabil et al., 2014). Namun, dengan adanya pembangunan pelancongan, terdapat peningkatan dalam peluang pekerjaan, pendapatan keluarga, dan taraf hidup penduduk setempat. Perubahan ini mencerminkan peningkatan taraf sosioekonomi yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, penting untuk memastikan bahawa pembangunan pelancongan perlu dilakukan secara mampan dan mengambil kira kelestarian sosial, budaya, dan alam sekitar. Ini akan memastikan bahawa manfaat ekonomi yang diperoleh daripada pelancongan juga berkekalan dalam jangka masa panjang.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan di pulau memiliki implikasi yang positif terhadap pembangunan sosioekonomi. Melalui penglibatan komuniti, wujud peningkatan ekonomi, pembangunan sosial, dan pemeliharaan budaya tempatan. Selain itu, penglibatan komuniti juga dapat meningkatkan kesedaran alam sekitar dan pemuliharaan sumber semulajadi. Namun, terdapat cabaran yang perlu diatasi, seperti konflik kepentingan, kekurangan kemahiran, dan keupayaan pengurusan. Justeru, penting untuk melibatkan komuniti dalam perancangan dan pengurusan pelancongan dengan cara yang bersepadu dan berseimbang. Dalam konteks perubahan taraf sosioekonomi pula, pembangunan pelancongan di pulau telah membawa peningkatan dalam peluang pekerjaan, pendapatan keluarga, dan taraf hidup penduduk setempat. Namun, penting untuk memastikan bahawa pembangunan pelancongan dilakukan secara mampan dan mempertimbangkan kelestarian sosial, budaya, dan alam sekitar. Oleh itu, manfaat ekonomi yang diperoleh daripada pelancongan dapat berkekalan dalam jangka masa panjang. Secara keseluruhan, makalah ini memberikan pemahaman yang holistik tentang implikasi dan penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan di pulau. Ia menekankan pentingnya melibatkan komuniti dalam pembangunan pelancongan yang mampan, dengan mempertimbangkan aspek sosioekonomi, budaya, dan alam sekitar.

Rujukan

Rujukan Artikel

Andi Cahaya (2015). *Fishermen Community in the Coastal Area: A Note from Indonesian Poor Family*, *Procedia Economics and Finance*, Volume 26, Pages 29-33, [https://doi.org/10.1016/S2212-5671\(15\)00801-1](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(15)00801-1).

- Bryant, E. G. and T. L. Napier 1981 *The application of social exchange theory to the study of satisfaction with outdoor recreation facilities*. In *Outdoor Recreation Planning, Perspectives and Research*. Edited by T. L. Napier. Dubuque, IA: Kendall P. Hunt pp. 83-98.
- Clay, Patricia M. & Olson, Julia. (2008). *Defining Fishing Communities: Issues in Theory and Practice*. NAPA Bulletin. 28. 27 - 42. [10.1525/napa.2007.28.1.27](https://doi.org/10.1525/napa.2007.28.1.27).
- Cohen, E. (1979). "A phenomenology of tourist experiences". *Sociology*, 13, 179-201.
- Francois J. Belisle & Don R. Hoy (1980). *The perceived impact of tourism by residents a case study in Santa Marta, Colombia*, *Annals of Tourism Research*, Volume 7, Issue 1, Pages 83-101, [https://doi.org/10.1016/S0160-7383\(80\)80008-9](https://doi.org/10.1016/S0160-7383(80)80008-9).
- Goeldner, Charles R. and J.R. Brent Ritchie (10th ed.) (2006), *Tourism: Principles, Practices, Philosophies*, Hoboken (NJ), John Wiley & Sons.
- Hamid Roodbari & Hossein Olya (2023) *An integrative framework to evaluate impacts of complex tourism change initiatives*, *Tourism Management*, Volume 100, <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2023.104829>.
- Harrison D. (2001). *Tourism in small islands and microstates*. *Tourism Recreation Research*, 26(3), 3–8. [10.1080/02508281.2001.11081193](https://doi.org/10.1080/02508281.2001.11081193).
- Jabil Mapjabil, Nor-Ina Kanyo (2014) *Ciri Tarikan dan Tahap kemudahan Pelancong di Taman Laut Tunku Abdul Rahman, Sabah*. In: Jabil Mapjabil, Yahaya Ibrahim, Tan Wan Hin (eds) *Pelancongan Pulau di Malaysia*, pp.93 – 94. Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kalsom Kayat dan Nor Ashikin Mohd. Nor (2006). *Penglibatan Ahli Komuniti dalam Program Pembangunan Komuniti : Satu Kajian ke Atas Program Homestay di Kedah*. *Akademika* 67. 77-102.
- Kadir Din (1997). *Tourism Development: Still in Search of a More Equitable Mode of Local Involvement?* In C. Cooper and S. Wanhill (eds). *Tourism Development: Environmental and Community Issues*. New York: John Wiley & Sons.
- Long, P. T., Perdue, R. R., & Allen, L. (1990). *Rural Resident Tourism Perceptions And Attitudes By Community Level Of Tourism*. *Journal of Travel Research*, 28(3), 3-9. <https://doi.org/10.1177/004728759002800301>.
- Mathieson, A., & Wall, G. (1982). *Tourism: Economic, physical, and social impacts*. London, New York: Longman.
- Minnaert, L. (2012). *Social Tourism as Opportunity for Unplanned Learning and Behavior Change*. *Journal of Travel Research*, 51(5), 607-616. <https://doi.org/10.1177/0047287511431324>.
- Maimon Ali. (1992). *Kajian penglibatan penduduk di dalam industri pelancongan. Kes kajian: Pinggir pantai Negeri Terengganu (Daerah Marang, Terengganu)*.

- Milman, A., & Pizam, A. (1988). *Social impacts of tourism on central Florida*. *Annals of Tourism Research*, 15, 191–204.
- Mowforth, M. and Munt, I. (1998). *Tourism and Sustainability: New Tourism in the Third World*. London: Routledge.
- Mohd Jirey Kumalah, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Teuku Afrizal, Mustapa Abu Talip (2015). *Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah*. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(12), 112 – 128.
- Murphy, Peter E.(1983). *Tourism as a community industry—an ecological model of tourism development*, *Tourism Management*, Volume 4, Issue 3, Pages 180-193. [https://doi.org/10.1016/0261-5177\(83\)90062-6](https://doi.org/10.1016/0261-5177(83)90062-6).
- Netto, Alexandre. (2009). *What is tourism? Definitions, theoretical phases, and principles*. 10.21832/9781845410988-004.
- Oztosun, L. (2023). *The Impact of Tourism Development on Community Quality of Life (QoL)*. In V. Nadda, F. Gonzo, R. Batta, & A. Sharma (Eds.), *Inclusive Community Development Through Tourism and Hospitality Practices* (pp. 234-249). IGI Global. <https://doi.org/10.4018/978-1-6684-6796-1.ch010>.
- Pizam A. (1978). *Tourism's impacts: The social costs to the destination community as perceived by its residents*. *Journal of Travel Research*, 16(4), 8–12. 10.1177/004728757801600402.
- Rosazman Hussin, Velan Kunjuraman (2014) *Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia*. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10 (3), 160- 174.
- Rosniza Aznie Che Rose (2011). *Persepsi dan tingkat kepuasan pelancong di Pulau Pangkor*. *Malaysian Journal of Society and Space* 7 Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development (155 - 168).
- Roshanim Koris (2004). *Komuniti Pulau, Kemiskinan Dan Impak Pelancongan: Kajian Kes Di Pulau Redang, Terengganu*. 4th International Malaysian Studies Conference; 3-5 August 2004, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ritchie, J.R. Brent and Geoffrey I. Crouch (2003), *The Competitive Destination: A Sustainable Tourism Perspective*. Oxfordshire (UK), CABI Publishing. DOI: 10.1079/9780851996646.0000.
- Salleh, N.H.M and Othman, R and Idris, S.H.M. (2012) *Penglibatan komuniti Pulau Tioman dalam bidang keusahawanan pelancong dan peranan insentif pelancongan*. *Journal of Tropical Marine Ecosystem*, 2 (2). pp. 57-71. ISSN 2231-8062.
- Smith SLJ (1994). *The tourism product*. *Annals of Tourism Research* 21(3):582-595.

- Tosun Cevat (2000). *Limits to community participation in the tourism development process in developing countries*, Tourism Management, Volume 21, Issue 6, Pages 613-633, [https://doi.org/10.1016/S0261-5177\(00\)00009-1](https://doi.org/10.1016/S0261-5177(00)00009-1)UNWTO. (2016). Tourism Highlights. Retrieved from <http://www.eunwto.org/doi/pdf/10.18111/9789284418145>
- Weber, K. (2001) '*Outdoor Adventure Tourism: A Review of Research Approaches*', Annals of Tourism Research 28(2): 360-377.
- Yahaya Ibrahim, (2006) *Komuniti Melayu Pulau Tioman : Isu dan cabaran dalam konteks pembangunan pelancongan*. Jurnal Melayu, 2 . pp. 141-153. ISSN 1675-7513.
- Yahaya Ibrahim, (2007) *Komuniti pulau dalam era pembangunan: terpinggir atau meminggir?* AKADEMIKA, 70. pp. 57-76. ISSN 0126-5008.
- Yahaya Ibrahim (2008) *Pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Williams J. Lawson R. (2001). *Community issues and resident opinions of tourism*. Annals of Tourism Research, 28(2), 269–290. 10.1016/S0160-7383(00)00030-X.
- Walton, J. K. (2023, October 8). *tourism*. Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/topic/tourism>.
- Żegleń, Patrycja & Grzywacz, Renata. (2016). *Typology Of Tourists And Their Satisfaction Level*. Scientific Review of Physical Culture. Volume 1. 5-16.

Persidangan

- Suhaya Samad, Md Shafiin Shukor & Norlida Hanim Mohd Salleh (2013). *Impak Pembangunan Industri Perlancongan Kepada Komuniti di Pulau Langkawi*. Prosiding Perkem Viii, Jilid 1 (2013) 207 - 216 Issn: 2231-962x.